| K3a   | 107A    | Cukai pegangan seksyen 107A<br><br><b>Jumlah Kasar Dibayar</b><br>Amaun kasar bahagian perkhidmatan kontrak yang dibuat kepada kontraktor bukan mastautin mengikut peruntukan seksyen 107A.<br><br><b>Jumlah cukai yang dipegang dan diremit ke LHDNM</b><br>10% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(a)].<br><br>Tambah<br><br>3% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(b)].<br><br>(Peraturan dan prosedur membuat bayaran kepada Cawangan Pungutan LHDNM hendaklah dipatuhi). | HK-11         | -          |
| K3b   | 109     | Cukai pegangan seksyen 109 – kadar cukai seperti yang ditetapkan dalam Bahagian II, Jadual 1, ACP 1967 kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali. (Rujuk Lampiran F)<br><br><b>Jumlah Kasar Dibayar</b><br>Jumlah bayaran kasar yang dibuat sebelum apa-apa tolakan.  | HK-11         | Lampiran F |
| K3c   | 109A    | Cukai pegangan seksyen 109A - 15%<br><br><b>Jumlah Kasar Dibayar</b><br>Keterangan seperti K3b  | HK-11         | -          |
| K3d   | 109B    | Cukai pegangan seksyen 109B - kadar cukai seperti yang ditetapkan dalam Bahagian V, Jadual 1, ACP 1967 kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali. (Rujuk Lampiran F)<br><br><b>Jumlah Kasar Dibayar</b><br>Keterangan seperti K3b   | HK-11         | Lampiran F |

**BAHAGIAN L: PERBELANJAAN KHAS, POTONGAN SELANJUTNYA DAN POTONGAN DUA KALI**

| Ruang   | Perkara         | Keterangan                                 | Helaian Kerja | Lampiran   |
|---------|-----------------|--|---------------|------------|
| L1 – L4 | KOD TUNTUTAN    | Gunakan kod tuntutan seperti di Lampiran D | -             | Lampiran D |
| L5      | JUMLAH DITUNTUT | Campurkan amaun L1 hingga L4               | -             | -          |

**BAHAGIAN M : TUNTUTAN INSENTIF / PENDAPATAN DIKECUALIKAN**

| Ruang | Perkara   | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|--|---------------|----------|
| M1    | Elaun<br>Jadual 7A                              | <p>Insentif ini diberi kepada individu peniaga yang menjalankan perniagaan penternakan ayam dan itik yang menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup.</p> <p>Rujuk kepada seksyen 133A dan perenggan 1c Jadual 7A ACP 1967 untuk menentukan kelayakan; perenggan 1 dan perenggan 3 Jadual 7A ACP 1967 untuk membuat pengiraan.</p> <p>Simpan dokumen asal berhubung dengan perbelanjaan modal yang layak, borang permohonan dan pengiraan elaun secara terperinci untuk semakan. Gunakan Helaian Kerja HK-1B/HK-1C untuk membuat pengiraan pendapatan berkanun dan pelarasan tuntutan Jadual 7A.</p> | HK-1B, HK-1C  | -        |
|       | Amaun diserap                                   | Pindahkan amaun elaun pelaburan semula (EPS) yang diserap iaitu amaun dari ruang L4 Helaian Kerja HK-1B/ P4 Helaian Kerja HK-1C ke dalam ruang yang disediakan.  |               |          |
|       | Baki hantar hadapan                             | Pindahkan baki EPS yang belum diserap (Baki hantar hadapan) iaitu amaun dari ruang L5 Helaian Kerja HK-1B/ P5 Helaian Kerja HK-1C ke dalam ruang ini. Jika tiada baki isikan "0".  |               |          |
| M2    | Elaun<br>Peningkatan<br>Eksport<br>Perkhidmatan | <p>Rujuk kepada perenggan 2, 3 dan 6 Perintah Cukai Pendapatan [Pengecualian (No 9) 2002] untuk menentukan kelayakan.</p> <p>Buat pengiraan dalam Helaian Kerja HK-1D.</p>   | HK-1B, HK-1D  | -        |
|       | Amaun diserap                                   | Pindahkan amaun dari ruang M4 Helaian Kerja HK-1B/ M7 Helaian Kerja HK-1D ke ruang ini.  |               |          |
|       | Baki hantar hadapan                             | Pindahkan baki elaun yang belum diserap (baki hantar hadapan) iaitu amaun dari ruang M5 Helaian Kerja HK-1B/ M8 Helaian Kerja HK-1D ke dalam ruang yang disediakan. Jika tiada baki isikan "0".  |               |          |
| M3    | Perbelanjaan<br>Jadual 4                        | <p>Rujuk keterangan di C21.</p> <p>Baki perbelanjaan yang tidak diserap di ruang C21 (baki hantar hadapan) hendaklah dimasukkan ke ruang ini. Jika tiada baki, Isikan "0".</p>   | -             | -        |
| M4    | Perbelanjaan<br>Jadual 4A                       | <p>Rujuk keterangan di C22.</p> <p>Baki perbelanjaan yang tidak diserap di ruang C22 (baki hantar hadapan) hendaklah dimasukkan ke ruang ini.</p>  | -             | -        |
| M5    | Pendapatan<br>perintis (Amaun<br>dikecualikan)  | Pindahkan amaun/bahagian pendapatan yang dikecualikan cukai iaitu amaun M4 dari Helaian Kerja HK-1E ke ruang ini.  | HK-1E         | -        |

**BAHAGIAN N : MAKLUMAT KEWANGAN ORANG PERSEORANGAN**

| Ruang | Perkara                    | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran   |
|-------|----------------------------|---|---------------|------------|
| N1    | Kod Perniagaan             | Isi kod perniagaan (seperti Lampiran G) bagi perniagaan utama sahaja. Jika mempunyai lebih dari satu perniagaan utama, isi kod perniagaan yang mempunyai perolehan terbesar.    | -             | Lampiran G |
| N2    | Jualan atau perolehan      | Jumlah pendapatan kasar termasuk pendapatan terakru daripada jualan, fi dan terimaan lain.  | -             | -          |
| N3    | Stok awal                  | Stok barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.   | -             | -          |
| N4    | Belian dan kos pengeluaran | <input type="checkbox"/> Jumlah belian kasar tolak diskaun dan rebat berkaitan dengan perniagaan utama.<br><input type="checkbox"/> Kos pengeluaran daripada Akaun Pengilangan. | -             | -          |
| N5    | Stok akhir                 | Stok barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.   | -             | -          |
| N6    | Kos jualan                 | Jumlah (N3 campur N4 tolak N5). Isikan "0" jika tiada.  | -             | -          |
| N7    | Untung/rugi kasar          | N2 tolak N6 atau N6 tolak N2 jika rugi.   | -             | -          |
| N8    | Perniagaan lain            | Pendapatan kasar dari punca selain dari N1.   | -             | -          |
| N9    | Dividen                    | Pendapatan kasar dari punca dividen. Amaun C(i) dari Helaian Kerja HK-3   | HK-3          | -          |
| N10   | Faedah dan diskaun         | Pendapatan kasar dari punca faedah/diskaun. Amaun A dari Helaian Kerja HK-5   | HK-5          | -          |
| N11   | Sewa, royalti dan premium  | Pendapatan kasar dari punca sewa/royalti/premium.<br>Sewa - Amaun B1 dari Helaian Kerja HK-4<br>Royalti - Amaun F dari Helaian Kerja HK-5                                       | HK-4<br>HK-5  | -<br>-     |
| N12   | Pendapatan lain            | Jumlah semua pendapatan kasar dari punca bukan perniagaan yang tidak disenaraikan di atas.  | -             | -          |
| N13   | Jumlah                     | Jumlah N8 hingga N12  | -             | -          |
| N14   | Faedah pinjaman            | Jumlah semua perbelanjaan faedah kecuali faedah sewa beli dan faedah pajakan.   | -             | -          |
| N15   | Gaji dan upah              | Amaun seperti di dalam Akaun Untung Rugi.   | -             | -          |
| N16   | Sewa/pajakan               | Amaun seperti di dalam Akaun Untung Rugi.   | -             | -          |
| N17   | Kontrak dan subkontrak     | Amaun seperti di dalam Akaun Untung Rugi.   | -             | -          |
| N18   | Komisen                    | Amaun seperti di dalam Akaun Untung Rugi.   | -             | -          |
| N19   | Hutang lapuk               | Amaun seperti di dalam Akaun Untung Rugi.   | -             | -          |
| N20   | Perjalanan                 | Amaun seperti di dalam Akaun Untung Rugi.   | -             | -          |
| N21   | Perbelanjaan lain          | Jumlah semua perbelanjaan yang tidak termasuk N14 hingga N20.   | -             | -          |



| Ruang | Perkara                            | Keterangan  | Helaian Kerja        | Lampiran |
|-------|------------------------------------|---|----------------------|----------|
| N22   | Jumlah perbelanjaan                | Campurkan N14 hingga N21.   | -                    | -        |
| N23   | Untung/rugi bersih                 | Untung atau Rugi Bersih seperti yang ditunjukkan di dalam Akaun Untung Rugi.                    | -                    | -        |
| N24   | Perbelanjaan yang tidak dibenarkan | Amaun F1 dari Helaian Kerja HK-1, HK-1C atau HK-1D  | HK-1/ HK-1C<br>HK-1D | -        |
| N25   | Tanah dan bangunan                 | Nilai buku bersih seperti dalam Kunci Kira-Kira.  | -                    | -        |
| N26   | Loji dan jentera                   | Nilai buku bersih seperti dalam Kunci Kira-Kira.  | -                    | -        |
| N27   | Kenderaan                          | Nilai buku bersih seperti dalam Kunci Kira-Kira.  | -                    | -        |
| N28   | Aset tetap lain                    | Nilai buku bersih seperti dalam Kunci Kira-Kira.  | -                    | -        |
| N29   | Jumlah aset tetap                  | Jumlah N25 hingga N28.  | -                    | -        |
| N30   | Pelaburan                          | Kos pelaburan dan simpanan tetap.   | -                    | -        |
| N31   | Stok                               | Stok akhir seperti dalam Kunci Kira-Kira.   | -                    | -        |
| N32   | Penghutang dagangan                | Penghutang perdagangan seperti di dalam Kunci Kira-kira.  | -                    | -        |
| N33   | Penghutang lain                    | Penghutang lain seperti dalam Kunci Kira-Kira (tidak termasuk ambilan oleh pemilik perniagaan). | -                    | -        |
| N34   | Baki tunai                         | Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.   | -                    | -        |
| N35   | Baki dalam bank                    | Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.   | -                    | -        |
| N36   | Aset semasa lain                   | Jumlah aset semasa selain daripada N31 hingga N35.  | -                    | -        |
| N37   | Jumlah aset semasa                 | Jumlah N31 hingga N36.  | -                    | -        |
| N38   | Jumlah aset                        | Jumlah N29, N30 dan N37.  | -                    | -        |
| N39   | Pinjaman                           | Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.   | -                    | -        |
| N40   | Pemiutang dagangan                 | Pemiutang dagangan seperti dalam Kunci Kira-Kira.   | -                    | -        |
| N41   | Pemiutang lain                     | Pemiutang lain seperti dalam Kunci Kira-Kira.   | -                    | -        |
| N42   | Jumlah liabiliti                   | Jumlah N39 hingga N41.  | -                    | -        |

| Ruang | Perkara                          | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|----------------------------------|--|---------------|----------|
| N43   | Akaun modal                      | Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.  | -             | -        |
| N44   | Baki akaun semasa bawa hadapan   | Baki hantar hadapan daripada tahun lepas tidak termasuk modal.                               | -             | -        |
| N45   | Untung/rugi tahun semasa         | Jumlah seperti dalam Akaun Untung Rugi.  | -             | -        |
| N46   | Ambilan/pendahuluan (bersih)     | Ambilan tunai atau ambilan stok untuk kegunaan sendiri/pendahuluan tunai dalam tahun semasa. | -             | -        |
| N47   | Baki akaun semasa hantar hadapan | Amaun N44 hingga N46   | -             | -        |

### AKUAN

Borang nyata yang tidak diperakui dan ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan dikembalikan kepada tuan/puan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengembalikan semula borang nyata tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

| Ruang | Perkara                                      | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|--|---------------|----------|
|       | Borang nyata ini bagi pihak saya sendiri     | Isikan "1" jika borang nyata ini dilengkapkan oleh pihak tuan sendiri.                       | -             | -        |
|       | Borang nyata ini bagi pihak individu di atas | Isikan "2" jika borang nyata ini dilengkapkan oleh tuan sebagai wakil kepada pembayar cukai. | -             | -        |

### MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI

| Ruang | Perkara                               | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---------------------------------------|--|---------------|----------|
| a     | Nama Firma                            | Nama firma ejen cukai yang mengisi Borang B ini.   | -             | -        |
| b     | Alamat Firma                          | Alamat surat menyurat firma ejen cukai.  | -             | -        |
| c     | No. Telefon                           | Nombor telefon firma ejen cukai.   | -             | -        |
| d     | No. Telefon Bimbit                    | Nombor telefon bimbit ejen cukai.  | -             | -        |
| e     | e-mel                                 | Alamat e-mel ejen cukai.   | -             | -        |
| f     | No. Kelulusan Ejen Cukai/ Lesen Audit | Untuk diisi oleh ejen cukai yang mendapat kelulusan di bawah perenggan 153(3)(b) dan 153(3)(c) atau lesen audit. | -             | -        |

Sila baca peringatan di muka surat 11 Borang B sebelum menurunkan tandatangan dalam borang nyata tersebut. Isikan tarikh dan jawatan dengan jelas.

## Bahagian 2 - Helaian Kerja

Helaian Kerja ini disediakan untuk membolehkan tuan/puan membuat pengiraan pendapatan berkanun perniagaan.

### HK-1: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN

Gunakan satu Helaian Kerja HK-1 untuk satu punca perniagaan.

| Ruang | Perkara   | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|--|---------------|----------|
| A     | Baki dalam Akaun Untung Rugi                    | Pindahkan baki dalam Akaun Untung Rugi ke ruang ini.   | -             | -        |
|       | Pengasingan pendapatan mengikut kelas           | Keluarkan pendapatan bukan kelas perniagaan dan masukkan ke ruangan yang disediakan.   | -             | -        |
| B     | Jumlah pendapatan bukan perniagaan              | Campurkan semua pendapatan yang bukan perniagaan iaitu dividen, sewa, royalti, faedah dan pendapatan lain.   | -             | -        |
| C     | Jumlah pendapatan perniagaan                    | A tolak B  | -             | -        |
| D1    | Kerugian yang tidak dibenarkan                  | Semak Akaun Untung Rugi dan keluarkan kerugian yang tidak dibenarkan. Nyatakan jenis kerugian di ruang perkara jika lain dari yang telah disenaraikan dan isikan amaun.<br><i>Contoh:</i><br>Rugi jualan kereta WGQ 8090                      RM 4,000<br>Rugi jualan mesin pemotong                      RM 3,000 | -             | -        |
| D2    | Lebihan perolehan perlombongan                  | Amaun A dari Helaian Kerja HK-1.1A   | HK-1.1A       | -        |
| D3    | Jumlah  | D1 campur D2   | -             | -        |
| D4    | Perolehan/pendapatan yang tidak dikenakan cukai | Semak Akaun Untung Rugi dan keluarkan keuntungan yang tidak boleh dicukai sebagai pendapatan perniagaan. Masukkan amaun keuntungan di ruang yang berkenaan.<br><i>Contoh:</i><br>Untung jualan kereta WHU 9001                      RM 5,000<br>Untung jualan mesin jahit                              RM 2,000    | -             | -        |
| D5    | Jumlah  | D3 tolak D4  | -             | -        |
| E     | Pendapatan perniagaan                           | C campur D5  | -             | -        |
| F     | Pelarasan perbelanjaan perniagaan               | Buat pelarasan perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan mengikut perundangan cukai pendapatan.   | -             | -        |
| 1.1   | Susut nilai                                     | Peruntukan yang dibuat ke atas kegunaan aset perniagaan.<br>Perenggan 39(1)(b)   | -             | -        |

| Ruang | Perkara                          | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|----------------------------------|---|---------------|----------|
| 1.2   | Gaji,elaun, bonus, KWSP sendiri  | Saraan yang dibayar kepada diri sendiri.<br>Perenggan 39(1)(a)  | -             | -        |
| 1.3   | Keraian                          | Keraian termasuk peruntukan makanan, minuman, rekreasi atau sebarang bentuk layanan (kecuali untuk pekerja sendiri).<br>Perenggan 39(1)(l)  | -             | -        |
| 1.4   | Hadiah                           | Perbelanjaan hadiah (kecuali untuk pekerja sendiri).<br>Perenggan 39(1)(b)  | -             | -        |
| 1.5   | Derma                            | Sebarang derma termasuk derma kepada institusi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6).<br>Derma tersebut dituntut dan diberi potongan dari pendapatan agregat dalam mengira jumlah pendapatan dalam ruang C30 Borang B atau C14 Borang BE.<br>Perenggan 39(1)(b) | -             | -        |
| 1.6   | Penalti/denda/kompaun            | Bayaran atas kesalahan melanggar undang-undang.<br>Perenggan 39(1)(b)   | -             | -        |
| 1.7   | Ambilan stok                     | Stok yang diambil untuk kegunaan persendirian dinilai pada harga pasaran.<br>Perenggan 24(2)(a)   | -             | -        |
| 1.8   | Ambilan tunai                    | Ambilan tunai yang belum diambil kira dalam akaun terimaan untuk kegunaan persendirian.<br>Perenggan 39(1)(a)   | -             | -        |
| 1.9   | Peruntukan hutang lapuk          | Peruntukan hutang lapuk am (peruntukan hutang lapuk dagangan tertentu/spesifik dibenarkan).<br>Subseksyen 34(2)   | -             | -        |
| 1.10  | Perbelanjaan permulaan/penutupan | Perbelanjaan sebelum perniagaan bermula atau untuk proses penutupan/penamatan perniagaan.<br>Perenggan 39(1)(b)   | -             | -        |
| 1.11  | Perbelanjaan modal               | Perbelanjaan berbentuk modal seperti pembelian aset.<br>Perenggan 39(1)(b)  | -             | -        |
| 1.12  | Yuran guaman                     | Perbelanjaan guaman berhubung dengan perolehan aset atau untuk urusan peribadi.<br>Perenggan 39(1)(b)   | -             | -        |
| 1.13  | Perbelanjaan faedah              | Faedah yang tidak boleh ditolak daripada pendapatan perniagaan.<br>Subseksyen 33(2)   | -             | -        |
| 1.14  | Sekatan KWSP                     | Caruman kepada skim yang diluluskan yang melebihi 19% daripada saraan pekerja.<br>Perenggan 34(4)(a)  | -             | -        |
| 1.15  | Hapus kira aset                  | Hapus kira aset yang tidak boleh digunakan dalam perniagaan.<br>Perenggan 39(1)(b)  | -             | -        |



| Ruang | Perkara                             | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|-------------------------------------|---|---------------|----------|
| F6    | Jumlah pelarasan perbelanjaan       | F1 tolak F5   | -             | -        |
| G     | Pendapatan larasan                  | Kira keuntungan larasan dengan membuat tolakan dan tambahan di E dan F6.<br><br>Jika jumlah positif (+) adalah pendapatan larasan.<br><br>Jika jumlah negatif (-) adalah kerugian larasan dan teruskan ke bahagian H. | -             | -        |
| H     | Kerugian larasan                    | Keterangan seperti di atas. Pindahkan amaun ini ke ruang D1 Helaian Kerja HK-1.3  | HK-1.3        | -        |
| J1    | Pendapatan larasan                  | Amaun dari ruang G<br><br>Jika kerugian larasan, masukkan "0" ke ruang ini.   | -             | -        |
| J2    | Kenaan imbangan                     | Pelarasan keuntungan jualan aset yang dipindah daripada HK-1.2<br><br>Jika tidak berkenaan, masukkan "0" ke ruang ini.  | HK-1.2        | -        |
| J3    | Jumlah                              | J1 campur J2  | -             | -        |
| J4    | Elaun modal boleh diserap           | Amaun dari ruang K4 (terhad kepada amaun di J3).  | -             | -        |
| J5    | Pendapatan berkanun                 | J3 tolak J4<br>Pindahkan amaun ini ke ruang C1/C2/C3 Borang B.  | -             | -        |
| K1    | Baki bawa hadapan                   | Jumlah elaun modal dari tahun kebelakangan yang tidak dapat diserap.  | -             | -        |
| K2    | Elaun imbangan                      | Belanja baki aset dilupuskan yang dilaraskan di ruang B3 HK-1.2<br><br>Jika tidak berkenaan, masukkan "0" di ruang ini.   | HK-1.2        | -        |
| K3    | Elaun modal                         | Tuntutan elaun modal tahun semasa yang dilaraskan di ruang C5 HK-1.2.   | HK-1.2        | -        |
| K4    | Jumlah                              | Campurkan K1, K2 dan K3.  | -             | -        |
| K5    | Tuntutan diserap dalam tahun semasa | Amaun K4 tetapi terhad kepada amaun di J3.  | -             | -        |
| K6    | Baki hantar hadapan                 | K4 tolak K5<br>Amaun ini wujud sekiranya amaun K4 tidak dapat diserap oleh J3.<br><br>Baki ini akan menjadi amaun K1 tahun taksiran berikutnya.   | -             | -        |

**HK-1B: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN PERKONGSIAN**

Gunakan satu Helaian Kerja HK-1B untuk satu punca perniagaan perkongsian

| Ruang                  | Perkara  | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|------------------------|--|---|---------------|----------|
| A                      | Pendapatan larasan perniagaan perkongsian  | Masukkan amaun dari ruang A13 dan A19, CP30   | CP 30         | -        |
| B                      | Kenaan imbangan  | Masukkan amaun dari ruang A14 dan A20, CP30   | CP 30         | -        |
| C                      | Jumlah   | A campur B  | -             | -        |
| D                      | Elaun modal boleh diserap  | Elaun modal yang boleh diserap (terhad kepada amaun di C).  | CP 30         | -        |
| E                      | Pendapatan berkanun  | C tolak D   | -             | -        |
| F - G                  | Elaun Jadual 7A  | Ruangan ini dikenakan sekiranya tuan/puan layak menuntut Elaun Jadual 7A  | -             | -        |
| H - J                  | Elaun peningkatan eksport perkhidmatan yang layak                                  | Ruangan ini dikenakan sekiranya tuan/puan layak menuntut elaun peningkatan eksport perkhidmatan yang layak.                     | -             | -        |
| K                      | Pelarasan baki elaun modal   |   |               |          |
|                        | 1. Baki bawa hadapan   | Baki elaun modal yang tidak dapat diserap di dalam pengiraan pendapatan berkanun dalam tahun kebelakangan.                      | -             | -        |
|                        | 2. Elaun imbangan dan elaun modal  | Masukkan amaun dari ruang A15 dan A21, CP 30  | CP 30         | -        |
|                        | 3. Jumlah  | Campurkan K1 dan K2   | -             | -        |
|                        | 4. Tuntutan diserap dalam tahun semasa   | Amaun D di atas.  | -             | -        |
| 5. Baki hantar hadapan | K3 tolak K4  | -   | -             |          |
| L - M                  | Pelarasan baki Elaun Jadual 7A & Elaun peningkatan eksport perkhidmatan yang layak | Ruangan ini dikenakan sekiranya tuan/puan layak menuntut elaun Jadual 7A dan elaun peningkatan eksport perkhidmatan yang layak. | -             | -        |

**HK-1C: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN BAGI INDIVIDU YANG MENIKMATI INSENTIF DI BAWAH JADUAL 7A**

Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan insentif di bawah Jadual 7A.

**HK-1D: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN BAGI INDIVIDU YANG MENIKMATI ELAUN PENINGKATAN EKSPORT PERKHIDMATAN YANG LAYAK**

Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak.

**HK-1E: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN BAGI PERNIAGAAN PERINTIS**

Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan berkanun perniagaan bagi perniagaan perintis.

**HK-1.1: PENGIRAAN ELAUN PERLOMBONGAN &****HK-1.2: RUMUSAN ELAUN MODAL**

1. Bagi memudahkan tuntutan elaun perlombongan dan elaun modal dibuat dengan teratur, aset dan perbelanjaan telah dijeniskan seperti berikut:

**SUSUNAN INDEKS TUNTUTAN ELAUN-ELAUN MODAL**  
(Berasaskan kepada susunan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967)

| Elaun             | Jenis | Kelas | Jadual ACP 1967 | Helaian Kerja |
|-------------------|-------|-------|-----------------|---------------|
| Perlombongan      | A     | A1-A3 | 2               | 1.1           |
| Pertanian         | B     | B1-B3 | 3               | 1.2.1         |
| Perhutanan        | C     | C1-C2 | 3               | 1.2.2         |
| Bangunan Industri | D     | D1-D4 | 3               | 1.2.3         |
| Loji dan Jentera  | F     | E1-E5 | 3               | 1.2.4         |

2. Setiap jenis aset/perbelanjaan (mengikut jenis) telah juga dikelaskan mengikut kadar elaun modal yang boleh dituntut. Guna pengenalan ini sebagai kod tuntutan di ruang A setiap lembaran senarai elaun perlombongan dan elaun modal.
3. Helaian Kerja HK-1.2 disediakan sebagai rumusan keseluruhan elaun modal yang dituntut bagi sesuatu tahun taksiran sebelum angka terakhir dapat dimasukkan ke dalam Helaian Kerja HK-1/HK-1C/HK-1D.
4. Bahagian Belakang Helaian-Helaian Kerja HK-1.1/HK-1.2.1/HK-1.2.2/HK-1.2.3 dan HK-1.2.4. disediakan sebagai senarai indeks aset/ perbelanjaan modal perniagaan dan Helaian Kerja HK-1.2A disediakan sebagai Rumusan Perbelanjaan Modal yang lengkap dan perlu disimpan selagi perniagaan tersebut masih beroperasi.

**HK-1.3: PELARASAN KERUGIAN BAGI PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN**

| Ruang | Perkara   | Keterangan  | Helaian Kerja         | Lampiran |
|-------|---|---|-----------------------|----------|
| A     | Kerugian bawa hadapan   | Baki kerugian perniagaan/perkongsiannya tahun kebelakangan yang tidak boleh diserap dalam tahun kebelakangan. | -                     | -        |
| B     | Kerugian tahun kebelakangan diserap oleh pendapatan berkanun tahun semasa | Amaun C8 Borang B   | -                     | -        |
| C     | Baki kerugian tahun kebelakangan tidak diserap                            | A tolak B   | -                     | -        |
| D     | Kerugian tahun semasa:  |   |                       |          |
|       | 1. Perniagaan   | Amaun H dari Helaian Kerja HK-1/ HK-1C/ HK-1D   | HK-1/ HK-1C/<br>HK-1D | -        |
|       | 2. Perkongsian  | Amaun dari ruang A13 dan A19, CP 30   | CP 30                 | -        |



| Ruang | Perkara   | Keterangan         | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|--------------------|---------------|----------|
| E     | Kerugian diserap oleh pendapatan agregat tahun semasa | Amaun C19 Borang B | -             | -        |
| F     | Baki kerugian tahun semasa tidak diserap              | D tolak E          | -             | -        |
| G     | Kerugian hantar hadapan                               | C campur F         | -             | -        |

#### HK-1.4: PELARASAN KERUGIAN BAGI PERNIAGAAN PERINTIS

| Ruang | Perkara                       | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|-------------------------------|---|---------------|----------|
| A     | Kerugian bawa hadapan         | Baki kerugian perniagaan perintis tahun kebelakangan yang tidak boleh diserap dalam tahun kebelakangan. | -             | -        |
| B     | Kerugian larasan tahun semasa | Amaun H dari Helaian Kerja HK-1E  | HK-1E         |          |
| C     | Jumlah kerugian               | A camur B   | -             | -        |
| D     | Kerugian diserap              | Amaun M3 dari Helaian Kerja HK-1E   | HK-1E         | -        |
| E     | Kerugian hantar hadapan       | C tolak D   | -             | -        |

#### HK-2: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN PENGAJIAN

Helaian Kerja ini disediakan untuk membolehkan tuan/puan membuat pengiraan pendapatan berkanun penggajian. Gunakan satu Helaian Kerja HK-2 untuk satu punca penggajian.

| Ruang | Perkara                                   | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|---|---------------|----------|
| A     | Penerimaan di bawah perenggan 13(1)(a)    |   |               |          |
| 1.    | Penerimaan tunai                          | Semua terimaan tunai yang diperolehi daripada perkhidmatan penggajian termasuk:<br>Gaji kasar<br>Upah<br>Gaji cuti<br>Gaji lebih masa<br>Fi<br>Komisen<br>Bonus<br>Tip kasar<br>Perkuisit<br>Saguhati<br>Elaun<br>Amaun Q dari Helaian Kerja HK-2.1 | HK-2.1        | -        |
|       | Penerimaan yang boleh ditukar kepada wang | Penerimaan seperti saham yang ditawarkan oleh majikan sama ada secara percuma atau pada harga rendah dari nilai pasaran.  |               |          |

| Ruang | Perkara  | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran    |
|-------|--|--|---------------|-------------|
| 2.    | Ganjaran   | Keterangan seperti di Lampiran B1<br><br>Amaun E4(vi) dari Helaian Kerja HK-2.2  | HK-2.2        | Lampiran B1 |
| 3.    | Elaun cukai/<br>cukai ditanggung<br>oleh majikan   | Keterangan seperti di Lampiran B2<br><br>Amaun C7 dari Helaian Kerja HK-2.3  | HK-2.3        | Lampiran B2 |
| 4.    | Elaun yang<br>dianggap<br>dibelanjakan<br>sepenuhnya   | Elaun yang dianggap dibelanjakan sepenuhnya termasuk:<br>Imbuan Tetap Perumahan/Perumahan Khas/Perumahan Wilayah, Imbuan Tetap Khidmat Awam, Elaun Bekalan Elektrik dan Air Percuma, Bayaran Insentif Singapura, Bayaran Tambahan Insentif Singapura, Elaun Khas Mengendalikan Reaktor, Elaun Bayaran Lesen Memandu, Imbuan Tetap Keraian, Elaun Bantuan Menyenggara Rumah, Elaun Bantuan Orang Gaji dan Drebar.   | -             | -           |
| 5.    | Jumlah   | Jumlah amaun A1 hingga A4  | -             | -           |
| B     | Manfaat<br>berupa<br>barangan  | Keterangan seperti di Lampiran B3<br><br>Amaun K dari Helaian Kerja HK-2.4   | HK-2.4        | Lampiran B3 |
| C     | Manfaat/nilai<br>tempat<br>kediaman  | Keterangan seperti di Lampiran B4<br><br>Amaun Z dari ruang J1 / 2.1 / 2.2 / 2.3 / 3.1 / 3.2 (yang mana berkenaan) Helaian Kerja HK-2.5  | HK-2.5        | Lampiran B4 |
| D     | Bayaran balik<br>daripada<br>Kumpulan<br>Wang<br>Simpanan/<br>Pencen yang<br>tidak<br>diluluskan | Amaun yang diambil kira adalah seperti yang dilaporkan oleh majikan di dalam Borang EA/EC.<br>Amaun yang dikenakan cukai adalah bahagian caruman majikan yang diterima oleh pekerja.<br><i>Contoh:</i><br>Amaun penerimaan dari Kumpulan Wang Pencen yang tidak diluluskan :<br>Caruman majikan <b>RM 24,000</b><br>Caruman pekerja <b>RM 30,000</b><br>Jumlah <b>RM 54,000</b><br><br>Amaun yang dikenakan cukai <b>RM 24,000</b><br>Masukkan bahagian caruman majikan ke ruang ini.<br><br>Amaun A dari Helaian Kerja HK-2.6 | HK-2.6        | -           |
| E     | Pampasan kerana<br>kehilangan<br>pekerjaan   | Keterangan adalah seperti Lampiran B5.<br><br>Amaun D dari Helaian Kerja HK-2.7  | HK-2.7        | Lampiran B5 |
| F     | Jumlah<br>pendapatan<br>kasar<br>penggajian  | Jumlah A hingga E  | -             | -           |
| G     | Yuran kepada<br>badan<br>profesional   | Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian yang wajib untuk mengekalkan kedudukan profesyen berkaitan dan menjalankan pekerjaan. Misalnya bayaran profesyen perubatan atau guaman.  | -             | -           |

| Ruang                    | Perkara   | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran    |                          |          |   |   |
|--------------------------|---|--|---------------|-------------|--------------------------|----------|---|---|
| H                        | Perbelanjaan keraian  | <p>Keraian adalah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>peruntukan makanan, minuman, rekreasi atau sebarang layanan; atau</li> <li>peruntukan tempat kediaman atau perbelanjaan yang berkaitan dengan/untuk tujuan memberi kemudahan keraian yang jenisnya seperti tersebut di atas.</li> </ol> <p><b>Seksyen 18</b></p> <p>Potongan yang dibenarkan adalah perbelanjaan bagi tujuan rasmi dan terhad kepada jumlah elaun keraian yang diambil kira sebagai pendapatan kasar.</p> <p><b>Seksyen 38A</b></p> <p><i>Contoh:</i></p> <table> <tr> <td>Gaji</td> <td>RM 30,000</td> </tr> <tr> <td>Elaun keraian</td> <td>RM 8,000</td> </tr> </table> <p>Jumlah yang dibelanjakan untuk keraian adalah RM 10,000.</p> <p>Potongan yang dibenarkan terhad kepada <b>RM 8,000</b> sahaja.</p>  | Gaji          | RM 30,000   | Elaun keraian            | RM 8,000 | - | - |
| Gaji                     | RM 30,000   |  |               |             |                          |          |   |   |
| Elaun keraian            | RM 8,000  |  |               |             |                          |          |   |   |
| J                        | Perbelanjaan perjalanan   | <p>Perbelanjaan perjalanan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah penuh elaun dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian walaupun kesemuanya dan sebahagian elaun boleh dibenarkan sebagai potongan.</li> <li>Sekiranya elaun perjalanan yang dibayar adalah bayaran ganti (iaitu perbelanjaan majikan yang dilakukan oleh pekerja yang dibayar balik kepadanya), elaun tersebut bukanlah pendapatan kasar pekerja itu.</li> <li>Perbelanjaan perjalanan daripada rumah ke pejabat adalah tidak dibenarkan.</li> </ol> <p><i>Contoh:</i></p> <table> <tr> <td>Gaji setahun</td> <td>RM 30,000</td> </tr> <tr> <td>Elaun perjalanan setahun</td> <td>RM 6,000</td> </tr> </table> <p>Jumlah yang dibelanjakan untuk perjalanan semasa menjalankan tugas rasmi ialah RM 5,000.</p> <p>Potongan yang dibenarkan adalah <b>RM 5,000</b>.</p> | Gaji setahun  | RM 30,000   | Elaun perjalanan setahun | RM 6,000 | - | - |
| Gaji setahun             | RM 30,000   |  |               |             |                          |          |   |   |
| Elaun perjalanan setahun | RM 6,000  |  |               |             |                          |          |   |   |
| K                        | Perbelanjaan dianggap dibelanjakan sepenuhnya                       | Amaun di ruang A4  | -             | -           |                          |          |   |   |
| L                        | Perbelanjaan berhubung tempat kediaman yang disediakan oleh majikan | <p>Perbelanjaan yang boleh dituntut berhubung tempat kediaman yang disediakan oleh majikan adalah seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sewa (premis dan perabot).</li> <li>Cukai taksiran/pintu, cukai tanah dan insurans.</li> <li>Pembaikan premis yang wajib dilakukan oleh pekerja tersebut.</li> </ol> <p>(Amaun tuntutan adalah terhad kepada amaun manfaat nilai tempat kediaman tersebut dan nilai perabot yang disediakan)</p> <p>Perenggan 38(1)(a) dan<br/>Perenggan 38(1)(b)</p>  | HK-2.5        | Lampiran B4 |                          |          |   |   |

| Ruang | Perkara  | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|---|---------------|----------|
| M     | Jumlah   | Jumlah G, H, J, K dan L5  | -             | -        |
| N     | Pendapatan berkanun penggajian   | F tolak M   | -             | -        |
| P     | RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN PENGGAJIAN<br>1. Penggajian 1<br>2. Penggajian 2<br>3. Penggajian 3<br>4. Jumlah | Masukkan amaun N bagi Penggajian 1.<br>Masukkan amaun N bagi Penggajian 2.<br>Masukkan amaun N bagi Penggajian 3.<br>Jumlah P1 hingga P3<br>Pindahkan amaun P4 ke ruang C1 Borang BE / C10 Borang B | -             | -        |

#### HK-2.1: PENERIMAAN DI BAWAH PERENGGAN 13(1)(a)

| Ruang | Perkara             | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---------------------|--|---------------|----------|
| A     | Gaji kasar          | Gaji kasar seperti yang ditunjukkan dalam Borang EA/EC.  | -             | -        |
| B     | Upah                | Bayaran yang diterima atas perkhidmatan yang dilakukan.  | -             | -        |
| C     | Gaji cuti           | Gaji yang dibayar semasa bercuti dan tempoh itu berkaitan dengan menjalankan penggajian di Malaysia, gaji cuti dianggap pendapatan penggajian yang diperolehi dari Malaysia. | -             | -        |
| D     | Gaji lebih masa     | Bayaran yang diterima kerana kerja lebih masa.   | -             | -        |
| E     | Fi                  | Bayaran Fi yang diterima seperti ditunjuk di dalam Borang EA/EC.   | -             | -        |
| F     | Komisen             | Bayaran komisen yang diterima seperti ditunjuk di dalam Borang EA/EC.  | -             | -        |
| G     | Bonus               | Bayaran bonus yang diterima seperti ditunjuk di dalam Borang EA/EC.  | -             | -        |
| H     | Tip kasar           | Bayaran tip daripada pelanggan.  | -             | -        |
| J     | Perkuisit           | Penambahan yang berbentuk barangan atau wang yang diterima daripada orang lain selain daripada majikan. Penambahan berbentuk barangan mestilah boleh ditukar kepada wang.    | -             | -        |
| K     | Penerimaan suguhati | Bayaran suguhati daripada majikan.   | -             | -        |
| L     | Elaun-elaun         | Elaun adalah meliputi pelbagai jenis elaun seperti elaun kenderaan dan elaun rumah.  | -             | -        |

| Ruang | Perkara                                | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|---|---------------|----------|
| M     | Bil telefon rumah dibayar oleh majikan | Jika telefon dilanggan oleh pekerja dan amaun yang dikenakan cukai adalah amaun dalam bil yang dibayar oleh majikan.                              | -             | -        |
| N     | Keahlian kelab rekreasi                | Fi kemasukan dan yuran keahlian bulanan/tahunan serta keahlian berpenggal dibayar atau 'reimbursed' oleh majikan. Jenis keahlian adalah individu. | -             | -        |
| P     | Penerimaan-penerimaan lain             | Lain-lain bayaran yang diterima atas perkhidmatan yang diberikan.   | -             | -        |
| Q     | Jumlah                                 | Campurkan A hingga P<br>Pindahkan amaun Q ke ruang A1 Helaian Kerja HK-2  | HK-2          | -        |

#### HK-2.2: PENGIRAAN GANJARAN KENA CUKAI

| Ruang | Perkara             | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran    |
|-------|---------------------|---|---------------|-------------|
| A-E   | Ganjaran kena cukai | Keterangan adalah seperti Lampiran B1.                              | -             | Lampiran B1 |
| F     |                     | Pindahkan jumlah amaun E4(i) hingga E4(v) ke Bahagian G Borang B/BE | -             | -           |
| G     |                     | Pindahkan jumlah amaun E4(vi) ke ruang A2 Helaian Kerja HK-2        | HK-2          | -           |

#### HK-2.3: PENGIRAAN ELAUN CUKAI

| Ruang | Perkara     | Keterangan                                    | Helaian Kerja | Lampiran    |
|-------|-------------|---|---------------|-------------|
| A-C   | Elaun cukai | Keterangan lanjut adalah seperti Lampiran B2. | -             | Lampiran B2 |

#### HK-2.4: MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB) [PERENGGAN 13(1)(b)]

| Ruang | Perkara                 | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran    |
|-------|-------------------------|--|---------------|-------------|
| A-J   | Manfaat berupa barangan | Masukkan jumlah amaun mengikut jenis manfaat yang diterima.<br>Keterangan lanjut adalah seperti Lampiran B3. | -             | Lampiran B3 |
| K     | Jumlah                  | Pindahkan amaun ini ke ruang B Helaian Kerja HK-2  | HK-2          | -           |

**HK-2.5: MANFAAT/NILAI TEMPAT KEDIAMAN [PERENGGAN 13(1)(c)]**

| Ruang  | Perkara                                     | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran    |
|--------|---|--|---------------|-------------|
| A      | Jawatan                                     | Tandakan "X" mengikut jawatan sekarang.  | -             | -           |
| B      | Jenis kediaman                              | Tandakan "X" mengikut jenis kediaman yang disediakan.  | -             | -           |
| C      | Penghunian                                  | <p>Tandakan "X" di petak yang berkenaan.</p> <p><b>Jika berkongsi</b> – Nyatakan bahagian sendiri dan bahagian keseluruhan.<br/> <i>Contoh:</i><br/>           Bahagian yang disediakan = 1/4<br/>           Isikan:<br/>           Bahagian (X) <input type="text" value="1"/> (Y) <input type="text" value="4"/></p> <p><b>Jika kediaman digunakan untuk urusan syarikat</b> – Nyatakan bahagian sendiri dan bahagian syarikat.<br/> <i>Contoh:</i><br/>           Bahagian yang disediakan = 1/2<br/>           Isikan:<br/>           Bahagian (X) <input type="text" value="1"/> (Y) <input type="text" value="2"/></p> | -             | -           |
| D      | Tempoh penghunian yang diperuntukkan        | Nyatakan tempoh penghunian (nyatakan bilangan bulan) yang diperuntukkan.   | -             | -           |
| E      | Tempoh penggajian dalam tahun semasa        | Nyatakan tempoh penggajian (nyatakan bilangan bulan) dalam tahun semasa.   | -             | -           |
| F      | Nilai tertentu                              | Masukkan amaun nilai tahunan kediaman.   | -             | -           |
| G      | Penerimaan di bawah perenggan 13(1)(a)      | Pindahkan amaun dari ruang A5 Helaian Kerja HK-2   | HK-2          | -           |
| H      | 1. 30% daripada G<br><br>2. 3% daripada G   | Dapatkan jumlah <b>G</b> x 30/100 dan masukkan ke ruang ini.<br><br>Dapatkan jumlah <b>G</b> x 3/100 dan masukkan ke ruang ini.  | -             | -           |
| J1-3.2 | Nilai premis kediaman boleh dikenakan cukai | Pilih dan isikan pengiraan nilai tempat kediaman mengikut kategori yang berkenaan.<br>Keterangan lanjut seperti di Lampiran B4.<br>Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2   | HK-2          | Lampiran B4 |

**HK-2.6: BAYARAN BALIK DARIPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN/PENCEN YANG TIDAK DILULUSKAN**

| Ruang | Perkara         | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|-----------------|--|---------------|----------|
| A     | Caruman majikan | Masukkan bahagian amaun caruman majikan.<br>Pindah amaun ini ke ruang D Helaian Kerja HK-2 | HK-2          | -        |
| B     | Caruman pekerja | Masukkan bahagian amaun caruman pekerja.   | -             | -        |
| C     | Jumlah          | A campur B   | -             | -        |

**HK-2.7: PENGIRAAN PAMPASAN YANG DIKENAKAN CUKAI**

| Ruang | Perkara  | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran    |
|-------|----------|---|---------------|-------------|
| A-D   | Pampasan | Keterangan lanjut adalah seperti Lampiran B5<br>Pindahkan amaun D ke ruang E Helaian Kerja HK-2 | HK-2          | Lampiran B5 |

**HK-3: TOLAKAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 110 (DIVIDEN)**

| Ruang | Perkara                                      | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|---|---------------|----------|
| A-D   | Tolakan cukai di bawah seksyen 110 (dividen) | Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan kasar dividen dan tolakan cukai di bawah seksyen 110. | -             | -        |

**HK-4: BUTIR-BUTIR HARTA/ASET DAN JUMLAH SEWA**

| Ruang | Perkara                                | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|---|---------------|----------|
| A-D   | Butir-butir harta/aset dan jumlah sewa | Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan sewa. | -             | -        |

**HK-5: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN FAEDAH/ROYALTI**

| Ruang | Perkara        | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|----------------|--|---------------|----------|
| A-H   | Faedah/Royalti | Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan berkanun faedah/royalti. | -             | -        |

**HK-6: TOLAKAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 110 (LAIN-LAIN)**

| Ruang | Perkara  | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|--|---------------|----------|
| A-G   | Tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain) | Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan kasar faedah/royalti/seksyen 4A, pendapatan daripada badan amanah dan juga pengagihan pendapatan daripada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) atau Tabung Amanah Harta (PTF) serta tolakan cukai di bawah seksyen 110. | -             | -        |

**HK-8 PENDAPATAN DARIPADA NEGARA PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN TUNTUTAN PELEPASAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 132**

| Ruang | Perkara                              | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--------------------------------------|--|---------------|----------|
| A-H   | Pelepasan cukai di bawah seksyen 132 | Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan dari negara perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dan tuntutan pelepasan di bawah seksyen 132. | -             | -        |

**HK-9 PENDAPATAN DARIPADA NEGARA BUKAN PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN TUNTUTAN PELEPASAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 133**

| Ruang | Perkara                              | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--------------------------------------|--|---------------|----------|
| A-H   | Pelepasan cukai di bawah seksyen 133 | Helaian Kerja ini disediakan untuk pengiraan pendapatan dari negara bukan perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dan tuntutan pelepasan di bawah seksyen 133. | -             | -        |

**HK-10: POTONGAN/ANSURAN CUKAI YANG TELAH DIJELASKAN**

| Ruang | Perkara         | Keterangan   | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|-----------------|--|---------------|----------|
| A1    | No. E Majikan   | Nyatakan nombor E majikan yang membuat potongan.   | -             | -        |
| A2    | Tempoh Potongan | Nyatakan tempoh potongan dibuat dalam tahun semasa.  | -             | -        |
| A3    | Potongan PCB    | Potongan Cukai Berjadual (PCB) bagi pendapatan tahun semasa yang dibuat oleh majikan dalam tahun semasa.               | -             | -        |
| A4    | Potongan CP 38  | Potongan yang dibuat oleh majikan mengikut arahan potongan gaji CP 38 untuk tanggungan cukai-cukai tahun kebelakangan. | -             | -        |
| A5    | Potongan Zakat  | Potongan zakat yang dibuat oleh majikan dalam tahun semasa.  | -             | -        |



| Ruang | Perkara   | Keterangan  | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|---|---------------|----------|
| B1    | No. E Majikan                                     | Nyatakan nombor E majikan yang membuat potongan.  | -             | -        |
| B2    | Tahun/Tempoh Pendapatan                           | Nyatakan tahun/tempoh pendapatan tahun kebelakangan di mana potongan PCB dibuat dalam tahun semasa.                 | -             | -        |
| B3    | Potongan PCB                                      | Potongan Cukai Berjadual (PCB) bagi pendapatan tahun kebelakangan yang dibuat dalam tahun semasa.                   | -             | -        |
| Bil.                         | Nama Syarikat Insurans / Kumpulan Wang Dan Pencen | No. Polisi / No. Kumpulan Wang | Atas Nyawa Sendiri Atau Suami / Isteri | Caruman / Premium Dibayar Dalam Tahun Semasa (RM) |
|------------------------------|---|--------------------------------|--|---|
| 1                            |   |                                |  |   |
| 2                            |   |                                |  |   |
| 3                            |   |                                |  |   |
| 4                            |   |                                |  |   |
| 5                            |   |                                |  |   |
| <b>JUMLAH ( 1 hingga 5 )</b> |   |                                |  |   |

**B. INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN**

| Bil.                         | Nama Syarikat Insurans | No. Polisi | Atas Nama Sendiri Atau Suami / Isteri Atau Anak | Premium Dibayar Dalam Tahun Semasa (RM) |
|------------------------------|------------------------|------------|---|---|
| 1                            |                        |            |   |   |
| 2                            |                        |            |   |   |
| 3                            |                        |            |   |   |
| 4                            |                        |            |   |   |
| 5                            |                        |            |   |   |
| <b>JUMLAH ( 1 hingga 5 )</b> |                        |            |   |   |

**C. PREMIUM ANUITI KWSP**

| Bil.                         | Nama Syarikat Insurans | No. Polisi | Atas Nama Sendiri Atau Suami / Isteri | Premium Dibayar Dalam Tahun Semasa (RM) |
|------------------------------|------------------------|------------|---------------------------------------|---|
| 1                            |                        |            |                                       |   |
| 2                            |                        |            |                                       |   |
| 3                            |                        |            |                                       |   |
| 4                            |                        |            |                                       |   |
| 5                            |                        |            |                                       |   |
| <b>JUMLAH ( 1 hingga 5 )</b> |                        |            |                                       |   |

**NOTA:**

**A. INSURANS NYAWA DAN KWSP**

- ❑ Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan.
- ❑ Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau kumpulan wang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- ❑ Mulai tahun taksiran 2005, jumlah pelepasan untuk premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah terhad kepada RM6,000 untuk individu dan RM6,000 untuk isteri yang mempunyai jumlah pendapatan. Sekiranya suami atau isteri memilih **taksiran bersama**, premium insurans nyawa dan KWSP adalah terhad kepada **RM6,000**.

Perenggan 49(1)(a), 49(1)(b), 49(1)(c), Subseksyen 49(1A)

**B. INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN**

Pelepasan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau faedah perubatan untuk individu, suami, isteri atau anak.

Subseksyen 49(1B)

**C. PREMIUM ANUITI KWSP**

Pelepasan berasingan untuk premium anuiti sehingga RM1,000 kepada individu yang membeli anuiti melalui skim anuiti KWSP.

Subseksyen 49(1C)

## LAMPIRAN A1

### 1. Pendapatan Kasar Perniagaan

| Perundangan  | Perkara  |
|--------------|--|
| 12           | Pendapatan kasar perniagaan yang diperolehi daripada Malaysia.   |
| 22(2)(a)(i)  | Penerimaan, ganti rugi, bayar balik, pampasan, penerimaan bayaran insurans dan penerimaan lain bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan dalam pengiraan pendapatan larasan. |
| 22(2)(a)(ii) | Bayaran ganti rugi di bawah kontrak.   |
| 22(2)(b)     | Pampasan kerana kehilangan pendapatan daripada punca berkaitan.  |
| 24(1)        | Jualan secara kredit.  |
| 24(2)        | Harga pasaran ambilan stok untuk kegunaan sendiri.   |
| 30(1)(a)     | Hutang lapuk dikutip semula.   |
| 30(1)(b)     | Peruntukan spesifik hutang ragu yang tidak diperlukan lagi.  |
| 30(4)        | Hutang yang dilepaskan di bawah subseksyen 33(1) [termasuk perenggan 33(1)(a), (b) atau (c)].  |
| –            | Pendapatan selain dari di atas.  |

### 2. Perbelanjaan Yang Dibenarkan

| Perundangan  | Perkara   |
|--------------|---|
| 33(1)        | Perbelanjaan dan bayaran yang dibuat dalam menghasilkan pendapatan kasar.   |
| 33(1)(a)     | Faedah dikenakan untuk pinjaman yang digunakan untuk menjalankan perniagaan, membiayai pembelian aset yang digunakan atau dipegang untuk menghasilkan pendapatan kasar, terhad kepada seksyen 33(2).  |
| 33(1)(b)     | Sewa dibayar untuk tanah atau bangunan yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan kasar.  |
| 33(1)(c)     | Perbelanjaan pembaikan premis perniagaan, loji, jentera dan lekapan.<br>Perbelanjaan lain seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Perbelanjaan mengganti, memperbaiki dan mengubahsuai alat, perkakas atau benda yang digunakan di mana elaun modal tidak layak dituntut.</li> <li><input type="checkbox"/> Perbelanjaan pengangkutan dan penghantaran.</li> </ul> |
| 34(6)(a)/(b) | Cukai daftar gaji/cukai perolehan yang dibayar.   |
| 34(6)(d)     | Perbelanjaan menanam semula tanaman (berhubung dengan perusahaan kebun/ladang).   |

## LAMPIRAN A1.1 : PERINGATAN

Ambil perhatian perkara-perkara berikut apabila membuat pelarasan. Dokumen dan bukti bertulis perlu disimpan dengan teratur kerana “*onus-of-proof*” atau bukti kesahihan tuntutan sebarang perbelanjaan adalah tanggungjawab pembayar cukai. Sebarang tuntutan/pelarasan yang tidak disokong dengan dokumen yang mencukupi tidak dibenarkan bila auditan cukai dibuat dan penalti mungkin dikenakan.

Berikut adalah perkara-perkara dan dokumen yang perlu disediakan dan disimpan bersama-sama pelarasan pendapatan dan pengiraan cukai.

### 1. Pelarasan Pendapatan atau Perbelanjaan

Setiap pelarasan hendaklah disokong dengan:

- Analisa pendapatan dan perbelanjaan
- Akaun subsidiari
- Resit/inbois

### 2. Bayaran kontrak/subkontrak, bayaran komisen, sewa dan lain-lain bayaran khidmat yang dikontrak kepada pemastautin:

- Nama, alamat, nombor kad pengenalan dan amaun yang diterima oleh setiap penerima
- Jenis kontrak/komisen/khidmat
- Jenis aset yang disewa

### 3. Bayaran kontrak kepada bukan pemastautin (penerimaan oleh kontraktor bukan mastautin-seksyen 107A digunapakai):

- Nama, jenis, lokasi dan tempoh projek
- Nilai keseluruhan kontrak dan nilai bahagian perkhidmatan kontrak
- Bayaran kontrak dan bahagian perkhidmatan kontrak dalam tahun taksiran semasa
- Nama, alamat, nombor rujukan cukai atau nombor pasport kontraktor asing

### 4. Bayaran fi mengurus (management fee) kepada penerima mastautin:

- Nama, alamat, nombor kad pengenalan dan amaun yang dibayar
- Pertalian antara syarikat dengan penerima jika ada
- Asas bayaran
- Perjanjian perkhidmatan atau dokumen berkaitan

### 5. Bayaran/fi bagi khidmat profesional atau teknikal atau pengurusan dan sewa kepada bukan pemastautin (pendapatan seksyen 4A):

#### a) Bayaran/fi profesional, teknikal atau pengurusan

- Nama, alamat dan jumlah bayaran
- Jenis perkhidmatan yang diberikan
- Jika keseluruhan atau sebahagian daripada bayaran tidak dianggap pendapatan di bawah seksyen 4A, sediakan alasan dan simpan salinan perjanjian untuk tujuan semakan.

#### b) Bayaran sewa bagi harta alih

- Jenis harta alih
- Nama dan alamat penerima serta jumlah bayaran
- Jika bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan, sediakan maklumat sokongan dan salinan perjanjian sewa, jika ada.

**6. Perjalanan ke luar negara:**

- Nama dan jawatan kakitangan yang terlibat
- Tarikh, tempat dan tujuan lawatan
- Analisis perbelanjaan dengan mengasingkan bahagian perbelanjaan peribadi.

**7. Ketetapan Umum, garis panduan dan borang permohonan tuntutan insentif:**

- Ketetapan Umum Ketua Pengarah (Rujuk Lampiran H)
- Permohonan untuk projek penyelidikan yang diluluskan dan tuntutan potongan dua kali bagi perbelanjaan penyelidikan di bawah seksyen 34A ACP 1967  
Ketetapan Umum Ketua Pengarah : Ketetapan Umum No. 5/2004 (Dikeluarkan pada 31/12/2004)  
No. Rujukan Borang Permohonan : Borang 1 (Sek 34A ACP 1967) and Borang 2 (Sek 34A ACP 1967)
- Garis panduan untuk tuntutan potongan dua kali bagi perbelanjaan penyelidikan di bawah seksyen 34B ACP 1967  
No. Rujukan Garis Panduan LHDN : LHDN.01/35/(S)/42/51/286-18  
No. Rujukan Borang Permohonan : Borang DD2/1995(Pin.2)
- Garis panduan permohonan potongan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 bagi derma tunai kepada organisasi diluluskan untuk memberikan bantuan kepada individu yang mengidapi penyakit kronik/serius  
No. Rujukan Garis Panduan LHDN : -  
No. Rujukan Borang Permohonan : Lampiran B
- Garis panduan berkenaan dengan jenis penyakit serius bagi maksud subseksyen 46(g) ACP 1967  
No. Rujukan Garis Panduan LHDN : LHDN.01/35/(S)/42/51/224-36.4  
No. Rujukan Borang Permohonan : TIADA
- Garis panduan berkenaan dengan kriteria untuk polisi pendidikan dan polisi perubatan  
No. Rujukan Garis Panduan LHDN : LHDN.01/35/(S)/42/51/224-36.2  
No. Rujukan Borang Permohonan : TIADA
- Garis panduan layanan cukai ke atas peniaga saham  
No. Rujukan Garis Panduan LHDN : LHDN.01/35/(S)/42/51/84  
No. Rujukan Borang Permohonan : TIADA
- Garis panduan berkaitan dengan tuntutan bagi Elaun Pelaburan Semula (EPS) bagi projek yang layak di bawah Jadual 7A ACP 1967  
No. Rujukan Garis Panduan LHDN : EPS/PP/1/1997 dan KCP 1998/1  
No. Rujukan Borang Permohonan : LHDN/BT/RA/2005
- Tuntutan pengecualian pendapatan bagi nilai peningkatan eksport perkhidmatan di bawah:  
(i) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2001 - P.U. (A) 154/2001; and  
(ii) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2002 - P.U. (A) 57/2002  
No. Rujukan Borang Permohonan : LHDN/BT/EX/AIES/2003-1
- Tuntutan potongan dua kali di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport Perkhidmatan Profesional) 2003 - P.U. (A) 124/2003  
No. Rujukan Borang Permohonan : LHDN/BT/DD/POE/PS/2003-1

**8. Perniagaan Pemaju Perumahan:**

- Nama, alamat dan lokasi projek
- Pelan susun atur (layout plan) yang diluluskan
- Tarikh siap setiap fasa projek
- Kos tanah
- Analisis kos pembangunan terkumpul setiap fasa bagi setiap tahun taksiran
- Pengiraan untung atau rugi mengikut bayaran kemajuan (*progressive payment*) jika syarikat tidak mengamalkan kaedah peratusan siap (*percentage of completion method*)



## LAMPIRAN B1: GANJARAN

### A. Ganjaran

Ganjaran dianggap hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Semua ganjaran dikenakan cukai **kecuali** ganjaran yang disenaraikan di **C**.

### B. Pengiraan Ganjaran Kena Cukai

Ganjaran dikenakan cukai dengan mengaitkan kepada tempoh asas seperti yang diperuntukkan di bawah proviso kepada subseksyen 25(4).

Asas pembahagian:

#### Kaedah 1

Sepanjang tempoh penggajian itu termasuk tempoh yang mana pekerja itu digajikan oleh sesuatu syarikat lain tetapi di dalam kumpulan syarikat yang sama. (Rujuk Contoh I)

#### ATAU

#### Kaedah 2

Jika penggajian itu bermula lebih dari 5 tahun sebelum permulaan tempoh asas dalam mana penggajian itu tamat, ganjaran yang diterima hendaklah dibahagikan sama rata bagi 6 tempoh asas yang terakhir. (Rujuk Contoh II).

#### ATAU

#### Kaedah 3

Kaedah ini terpakai dalam keadaan seperti di perenggan C1(c).

Jumlah ganjaran kena cukai selepas pengecualian **RM6,000** bagi setiap tahun genap perkhidmatan hendaklah dibahagikan sama rata bagi 6 tempoh asas yang terakhir. (Rujuk Contoh III).

#### Contoh I:

Tempoh penggajian kurang dari 5 tahun sebelum permulaan tempoh asas dalam mana penggajian itu tamat.

Tempoh perkhidmatan : Mula perkhidmatan pada 01.07.2003  
Tamat perkhidmatan pada 30.06.2005

Jumlah ganjaran : **RM6,000**

#### Tempoh perkhidmatan selama 731 hari. Guna kaedah 1

|   |        |                 |
|---|--------|-----------------|
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2003 (01.07.2003 - 31.12.2003) | =      | 184 hari        |
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2004 (01.01.2004 - 31.12.2004) | =      | 365 hari        |
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2005 (01.01.2005 - 30.06.2005) | =      | 182 hari        |
|   | Jumlah | <u>731 hari</u> |

#### Pembahagian ganjaran mengikut Tahun Taksiran

|       | 1<br>Pembahagian<br>(tahun) | 2<br>Tempoh<br>(hari/tahun) | 3<br>Pengiraan         | 4<br>Amaun<br>RM | 5<br>Tahun<br>Taksiran |
|-------|-----------------------------|-----------------------------|------------------------|------------------|------------------------|
| (i)   | 2003                        | 184 hari                    | $184/731 \times 6,000$ | 1,510            | 2003                   |
| (ii)  | 2004                        | 365 hari                    | $365/731 \times 6,000$ | 2,996            | 2004                   |
| (iii) | -                           | -                           | -                      | -                | -                      |
| (iv)  | -                           | -                           | -                      | -                | -                      |
| (v)   | -                           | -                           | -                      | -                | -                      |
| (vi)  | 2005                        | 182 hari                    | $182/731 \times 6,000$ | 1,494            | 2005                   |

□ **Pindahkan amaun bagi tahun taksiran semasa 4(vi) ke ruang A2 Helaian Kerja HK-2.**

**Contoh II:**

Tempoh perkhidmatan : Mula perkhidmatan pada 01.01.1994  
 Tamat perkhidmatan pada 30.06.2005  
 Jumlah ganjaran : **RM25,000**  
 Umur semasa tamat perkhidmatan : 45 tahun

**Tempoh perkhidmatan lebih daripada 5 tahun sebelum permulaan tempoh asas dalam mana pengajian itu tamat.**

**Guna kaedah 2.**

**Tahun Taksiran**

|                                       |             |
|---------------------------------------|-------------|
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2000 | 2000 (STTS) |
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2001 | 2001        |
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2002 | 2002        |
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2003 | 2003        |
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2004 | 2004        |
| Tempoh Asas tahun berakhir 31.12.2005 | 2005        |

**Nota: STTS = Sistem Taksiran Tahun Semasa**

**Pembahagian ganjaran mengikut Tahun Taksiran**

|       | <b>1<br/>Pembahagian<br/>(tahun)</b> | <b>2<br/>Tempoh<br/>(bulan/tahun)</b> | <b>3<br/>Pengiraan</b> | <b>4<br/>Amaun<br/>RM</b> | <b>5<br/>Tahun<br/>Taksiran</b> |
|-------|--------------------------------------|---------------------------------------|------------------------|---------------------------|---------------------------------|
| (i)   | 2000                                 | 1 tahun                               | $1/6 \times 25,000$    | 4,167                     | 2000 (STTS)                     |
| (ii)  | 2001                                 | 1 tahun                               | $1/6 \times 25,000$    | 4,167                     | 2001                            |
| (iii) | 2002                                 | 1 tahun                               | $1/6 \times 25,000$    | 4,167                     | 2002                            |
| (iv)  | 2003                                 | 1 tahun                               | $1/6 \times 25,000$    | 4,167                     | 2003                            |
| (v)   | 2004                                 | 1 tahun                               | $1/6 \times 25,000$    | 4,167                     | 2004                            |
| (vi)  | 2005                                 | 1 tahun                               | $1/6 \times 25,000$    | 4,167                     | 2005                            |

❑ **Pindahkan amaun bagi tahun taksiran semasa 4(vi) ke ruang A2 Helaian Kerja HK-2.**

**Contoh III:**

Pekerja diwajibkan bersara pada umur 50 tahun menurut kontrak pengajian dan telah berkhidmat 10 tahun 3 bulan dengan majikan yang sama. **Guna kaedah 3.**

Tempoh perkhidmatan : Mula perkhidmatan pada 01.07.1995  
 Tamat perkhidmatan pada 30.09.2005  
 Tahun genap perkhidmatan : 10 tahun  
 Jumlah ganjaran : **RM108,000**  
 Ganjaran dikecualikan (RM6,000 x 10) : **RM60,000**  
 Ganjaran kena cukai (RM108,000 - RM60,000) : **RM48,000**

## Pembahagian ganjaran mengikut Tahun Taksiran

|       | 1<br>Pembahagian<br>(tahun) | 2<br>Tempoh<br>(bulan/tahun) | 3<br>Pengiraan      | 4<br>Amaun<br>RM | 5<br>Tahun<br>Taksiran |
|-------|-----------------------------|------------------------------|---------------------|------------------|------------------------|
| (i)   | 2000                        | 1 tahun                      | $1/6 \times 48,000$ | 8,000            | 2000 (STTS)            |
| (ii)  | 2001                        | 1 tahun                      | $1/6 \times 48,000$ | 8,000            | 2001                   |
| (iii) | 2002                        | 1 tahun                      | $1/6 \times 48,000$ | 8,000            | 2002                   |
| (iv)  | 2003                        | 1 tahun                      | $1/6 \times 48,000$ | 8,000            | 2003                   |
| (v)   | 2004                        | 1 tahun                      | $1/6 \times 48,000$ | 8,000            | 2004                   |
| (vi)  | 2005                        | 1 tahun                      | $1/6 \times 48,000$ | 8,000            | 2005                   |

□ *Pindahkan amaun bagi tahun taksiran semasa 4(vi) ke ruang A2 Helaijan Kerja HK-2.*

## C. Ganjaran Yang Dikecualikan Dari Cukai Pendapatan

|   |  |
|---|--|
| 1. Ganjaran persaraan   | <p>(a) Ketua Pengarah berpuashati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan oleh keuzuran</p> <p>Atau</p> <p>(b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturutan selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama</p> <p>Atau</p> <p>(c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.</p> <p>Amaun yang dikecualikan adalah <b>RM6,000</b> bagi setiap tahun genap perkhidmatan dalam penggajian itu.</p> |
| 2. Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam | Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis   |
| 3. Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak                 | Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila perkhidmatan kontraknya tamat (walaupun kontraknya diperbaharui)  |
| 4. Ganjaran kematian  | Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian   |

## LAMPIRAN B2: ELAUN CUKAI

### Elaun Cukai/Cukai ditanggung oleh Majikan

Cukai yang ditanggung oleh majikan adalah ELAUN CUKAI yang dikenakan cukai mengikut peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Cara mengambil kira elaun ini berbeza bagi penggajian yang berterusan dengan penggajian yang ditamatkan dalam sesuatu tahun taksiran.

### Penggajian Yang Berterusan

Cukai yang ditanggung oleh majikan atas pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran diambil kira sebagai elaun cukai dalam tahun taksiran berikutnya. Cukai yang dibayar oleh majikan bagi penggajian tahun 2004 (tahun taksiran 2004) akan diambil kira sebagai elaun cukai bagi tahun 2005 (tahun taksiran 2005) kerana jumlah cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2004 ditentukan dalam tahun 2005.

### Contoh I

Gaji bagi tempoh 01.01.2004 - 31.12.2004 - RM150,000

Pembayar cukai bujang dan layak menuntut pelepasan diri sahaja

Pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2004 untuk menentukan elaun cukai bagi tahun taksiran 2005.

|                                   |           |            |
|-----------------------------------|-----------|------------|
|                                   | <b>RM</b> |            |
| Pendapatan tahun 2004             | 150,000   |            |
| Tolak: Pelepasan Diri             | 8,000     |            |
| Pendapatan Kena Cukai             | 142,000   |            |
| <br>                              |           |            |
| Cukai atas RM100,000 yang pertama | 14,475.00 |            |
| Cukai atas RM42,000 @ 27%         | 11,340.00 |            |
| Cukai dikenakan                   | 25,815.00 | <b>(A)</b> |

Taksiran bagi tahun taksiran 2004 dibangkitkan pada 31.05.2005 dan cukai dibayar oleh majikan. Cukai sebanyak RM25,815.00 adalah elaun cukai yang diambil kira sebagai pendapatan bagi tahun 2005.

### ***Pindahkan amaun A ke ruang A3 Helaiian Kerja HK-2.***

Cukai tambahan yang dibangkitkan bagi sesuatu tahun taksiran diambil kira dalam tahun taksiran di mana notis taksiran tambahan dikeluarkan. Sebagai contoh, bagi pendapatan tambahan untuk tahun taksiran 2003 di mana notis taksiran tambahan dikeluarkan dalam tahun 2005, cukai bagi taksiran tambahan ini adalah elaun cukai bagi tahun taksiran 2005.

### Contoh II

Pendapatan tahun 2004 termasuk elaun cukai [tahun taksiran (asal) 2003] - RM150,000

Pendapatan bagi tahun taksiran 2003 adalah:

Pendapatan asal tahun 2003 - RM120,000

Pendapatan tambahan (bonus) 2003 (diterima dalam tahun 2004) - RM 30,000

Pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2003 untuk menentukan elaun cukai bagi tahun 2005 kerana notis taksiran tambahan 2003 dikeluarkan dalam tahun 2005 (pada 30.06.2005)

|                              | <b>RM</b>        |            |
|------------------------------|------------------|------------|
| Pendapatan asal tahun 2003   | 120,000          |            |
| Bonus (tambahan) tahun 2003  | <u>30,000</u>    |            |
| Jumlah                       | 150,000          |            |
| Tolak: Pelepasan Diri        | <u>8,000</u>     |            |
|                              | <u>142,000</u>   |            |
| <br>                         |                  |            |
| Cukai atas RM100,000 pertama | 14,475.00        |            |
| Cukai atas RM42,000 @ 27%    | <u>11,340.00</u> |            |
| Jumlah                       | 25,815.00        |            |
| Cukai ditaksir dahulu        | <u>17,715.00</u> |            |
| Cukai tambahan               | <u>8,100.00</u>  | <b>(B)</b> |

Elaun cukai bagi tahun taksiran 2005 ialah:

|   |                  |            |
|---|------------------|------------|
| Cukai tahun 2004                        | 25,815.00        | <b>(A)</b> |
| Cukai tambahan 2003 (taksiran tambahan) | <u>8,100.00</u>  | <b>(B)</b> |
| Jumlah                                  | <u>33,915.00</u> | <b>(C)</b> |

**Pindahkan amaun C ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.**

### Penggajian Yang Ditamatkan

Bagi penggajian yang ditamatkan dalam atau di akhir sesuatu tahun taksiran, cukai untuk dua tahun taksiran diambil kira dalam tahun taksiran tersebut. Sebagai contoh, seorang pekerja asing yang tamat tempoh penggajiannya pada 30.06.2005, elaun cukai bagi tahun taksiran 2005 ialah jumlah cukai bagi tahun taksiran 2004 dan tahun taksiran 2005.

### Contoh III

Pendapatan tahun 2004 adalah seperti **contoh I**.

Pendapatan tahun 2005 adalah RM70,000.

Pengiraan cukai tahun taksiran 2005:

|                                   | <b>RM</b>        |            |
|-----------------------------------|------------------|------------|
| Pendapatan tahun 2005             | 70,000           |            |
| Elaun cukai (tahun taksiran 2004) | <u>25,815</u>    |            |
| Jumlah                            | 95,815           |            |
| Tolak: Pelepasan Diri             | <u>8,000</u>     |            |
|                                   | <u>87,815</u>    |            |
| <br>                              |                  |            |
| Cukai atas RM70,000 yang pertama  | 7,275.00         |            |
| Cukai atas RM17,815 @ 24%         | <u>4,275.60</u>  |            |
| Cukai dikenakan                   | <u>11,550.60</u> | <b>(D)</b> |

Elaun cukai bagi tahun taksiran 2005:

|                                |                  |
|--------------------------------|------------------|
| Amaun A (daripada contoh I):   | 25,815.00        |
| Amaun D (daripada contoh III): | <u>11,550.60</u> |
| Jumlah                         | <u>37,365.60</u> |

**Pindahkan jumlah ini ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.**

## LAMPIRAN B3: MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB) [PERENGGAN 13(1)(b)]

### MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)

- (i) MBB adalah manfaat yang tidak boleh ditukar kepada wang. Ianya disediakan bagi pekerja oleh majikannya/bagi pihak majikannya untuk dinikmati secara peribadi oleh pekerja tersebut, isteri, keluarga, orang gaji, tanggungan-tanggungan atau tetamu-tetamu pekerja.
- (ii) Majikan dikehendaki melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja dan Borang E untuk Majikan, kesemua nilai MBB yang diperuntukkan kepada pekerja.
- (iii) Nilai MBB yang ditentukan berdasarkan Ketetapan Umum No. 2/2004 dan Tambahan (dikeluarkan pada 8 November 2004 dan 20 Mei 2005) akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja. Ketetapan ini menggantikan Ketetapan Cukai Pendapatan KCP 1997/2 yang dikeluarkan pada 25 Ogos 1997.

### PENENTUAN NILAI MBB

- (i) Terdapat dua kaedah yang boleh digunakan bagi menentukan nilai MBB:-
  - (a) kaedah nilai yang ditetapkan; dan
  - (b) kaedah formula.
- (ii) Mana-mana kaedah yang digunakan dalam penentuan nilai manfaat yang disediakan, asas untuk mengira manfaat mestilah digunakan secara konsisten sepanjang tempoh peruntukan manfaat tersebut.
- (iii) Dalam semua keadaan, di mana kemudahan kereta dan/atau petrol diperuntukkan kepada pekerja, majikan mestilah melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja; jenis, tahun buatan, model kereta dan tarikh sebenar kereta yang diperuntukkan.
- (iv) Tol yang dibayar oleh majikan dianggap telah dimasukkan dalam nilai MBB bagi kereta. Kos penyelenggaraan seperti servis, pembaikan, cukai jalan tahunan dan premium insurans tahunan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada manfaat pekerja.
- (v) Di mana pekerja menikmati manfaat kereta dengan petrol percuma, nilai MBB bagi petrol bergantung kepada kaedah yang digunakan untuk menilai MBB bagi kereta tersebut.

### A. KAEDAH NILAI DITETAPKAN

1. Nilai MBB berdasarkan kaedah nilai ditetapkan boleh dikurangkan jika MBB itu:-

- (i) disediakan bagi tempoh kurang daripada setahun; atau/dan
- (ii) dikongsi dengan pekerja lain.

Tiada pengurangan diberi bagi kegunaan perniagaan untuk MBB yang disediakan untuk pekerja.

### 2. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KERETA DAN MANFAAT LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA

- (i) Penilaian manfaat kegunaan persendirian kereta dan petrol hendaklah berdasarkan kepada jadual berikut:

| Kos Kereta (Baru) RM | Manfaat Setahun RM | Petrol Setahun RM |  | Kos Kereta (Baru) RM | Manfaat Setahun RM | Petrol Setahun RM |
|----------------------|--------------------|-------------------|--|----------------------|--------------------|-------------------|
| Sehingga 50,000      | 1,200              | 600               |  | 200,001 - 250,000    | 9,000              | 2,100             |
| 50,001 - 75,000      | 2,400              | 900               |  | 250,001 - 350,000    | 15,000             | 2,400             |
| 75,001 - 100,000     | 3,600              | 1,200             |  | 350,001 - 500,000    | 21,250             | 2,700             |
| 100,001 - 150,000    | 5,000              | 1,500             |  | 500,001 dan ke atas  | 25,000             | 3,000             |
| 150,001 - 200,000    | 7,000              | 1,800             |  |                      |                    |                   |

- (ii) Di bawah kaedah ini, penilaian bagi manfaat akan berasaskan kos kereta iaitu harga sebenar termasuk aksesori tetapi tidak termasuk kenaikan kewangan, premium insurans dan cukai jalan pada masa kereta tersebut baru. Layanan ini juga terpakai bagi kereta terpakai dan kereta pajak/sewa. "Baru" berhubung dengan kereta bermaksud kereta termasuk kereta terpakai (reconditioned) yang pertama kali didaftarkan di Malaysia.

Contoh: Pekerja A telah diperuntukkan oleh majikannya dengan sebuah kereta baru yang dipajak daripada sebuah syarikat pajakan. Kos kereta tersebut apabila baru ialah RM90,000. Majikan membayar sewa pajakan sebanyak RM3,000 sebulan selama 48 bulan.

Nilai tahunan MBB yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian ialah RM3,600. Bayaran untuk sewa pajakan tidak diambil kira.

- (iii) Nilai tahunan MBB bagi kereta boleh dikurangkan kepada separuh (1/2) daripada nilai yang ditetapkan sekiranya usia kereta yang diperuntukkan telah melebihi 5 tahun. Walau bagaimanapun, nilai MBB bagi petrol yang diperuntukkan tidak berubah.

### 3. PETROL DIPERUNTUKKAN TANPA KERETA

Manfaat yang dicukai ialah jumlah nilai sebenar petrol yang diperuntukkan kepada pekerja.

### 4. PEMANDU DIPERUNTUKKAN

Di mana pemandu diperuntukkan, nilai manfaat yang ditetapkan ialah RM600 sebulan. Dalam kes di mana pemandu tersebut adalah dari sekumpulan pemandu "pool" yang diperuntukkan oleh majikan hanya bagi tujuan perniagaan, tiada nilai manfaat akan dikenakan ke atas pekerja tersebut.

### 5. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KELENGKAPAN RUMAH, PERKAKAS DAN PERLENGKAPAN

- (i) Untuk mengelakkan perkiraan terperinci, sila gunakan jadual berikut untuk menentukan kelengkapan rumah, perkakas dan peralatan lain:

| Kategori | Jenis Manfaat  | Nilai MBB setahun  |
|----------|--|--|
| (a)      | Separuh lengkap dengan perabot di ruang tamu, bilik makan dan bilik tidur.   | RM840  |
| (b)      | Separuh lengkap dengan perabot seperti di 5(i)(a) dan satu atau lebih kelengkapan berikut:- penyaman udara, kain langsir dan seumpamanya dan permaidani.   | RM1,680  |
| (c)      | Lengkap sepenuhnya seperti di 5(i)(a) dan 5(i)(b) serta satu atau lebih daripada perkakas dapur atau pinggan mangkuk atau peralatan dan perkakas-perkakas. | RM3,360  |
| (d)      | Kemudahan bayaran perkhidmatan dan bil lain-lain seperti bil air dan elektrik.   | Nilai perkhidmatan dan bil lain-lain yang dibayar oleh majikan |

- (ii) Nilai manfaat boleh diselaraskan bersesuaian dengan merujuk sama ada mana-mana atau semua jenis kelengkapan di atas diperuntukkan. Oleh itu seseorang pekerja yang telah diperuntukkan dengan semua kelengkapan kecuali kelengkapan dalam perenggan 5(i)(a), akan ditaksir atas nilai MBB sebanyak RM2,520 (RM3,360 - RM840).

- (iii) Nilai manfaat boleh juga dilaraskan bersesuaian dengan merujuk kepada tempoh kemudahan tersebut diperuntukkan. Sekiranya seorang pekerja diperuntukkan dengan kelengkapan 5(i)(a) mulai dari 01.04.2005, maka jumlah MBB yang ditaksir untuk tahun taksiran 2005 adalah untuk tempoh 01.04.2005 - 31.12.2005 iaitu sebanyak RM630 (RM840 x 9/12).

- (iv) Pelarasan juga boleh dibuat ke atas nilai MBB ini jika kelengkapan/ perkakas/ perlengkapan dikongsi bersama dengan pekerja lain.

Contoh: Fakta kes sama seperti yang diberikan di 5(iii) di atas tetapi pekerja tersebut dikehendaki berkongsi manfaat yang diperuntukkan kepadanya bersama pekerja lain, maka nilai MBB bagi kemudahan ini untuk tahun taksiran 2005 ialah RM315 (RM630 x 1/2).

- (v) Kipas angin dan pemanas air tidak diambil kira kerana kelengkapan tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada premis kediaman.

**6. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK MANFAAT LAIN**

| <b>Butiran</b>   | <b>Jenis MBB</b>  | <b>Nilai MBB setahun</b>   |
|--|---|--|
| <b>(a)</b>   | (i) Telefon mudah alih  | Perkakasan : RM300 setiap telefon<br>Bil : RM300 setiap telefon  |
|  | (ii) Telefon rumah dilanggan oleh majikan   | Bil : RM300 setiap telefon   |
| <p><i>Nota: Jika telefon dilanggan oleh pekerja, manfaat dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967 dan amaun yang dikenakan cukai adalah amaun yang tercatat dalam bil yang dibayar oleh majikan.</i></p> |   |  |
| <b>(b)</b>   | Tukang kebun  | RM3,600 seorang tukang kebun   |
| <b>(c)</b>   | Pembantu rumah  | RM4,800 seorang pembantu rumah   |
| <b>(d)</b>   | Keahlian kelab rekreasi:<br>Jenis keahlian - Korporat   | (i) Fi kemasukan - tidak dikenakan cukai<br><br>(ii) Yuran keahlian bulanan/tahunan sebagai keahlian kelab yang dibayar oleh majikan bagi pekerja dicukai atas nilai yang ditetapkan |
|  | <p><i>Nota:</i><br/>                     Jenis keahlian - Individu</p> <p>(1) Fi kemasukan<br/>(2) Yuran keahlian bulanan/tahunan<br/>(3) Keahlian berpenggal</p> | <p><i>Amaun dibayar atau 'reimbursed' oleh majikan dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967</i></p>  |

**B. KAEDAH FORMULA**

1. Nilai MBB berdasarkan kaedah formula boleh dikurangkan jika MBB itu:-

- (i) disediakan bagi tempoh kurang dari setahun; atau/dan
- (ii) dikongsi dengan pekerja lain; atau/dan
- (iii) digunakan bagi tujuan perniagaan majikan.

2. Di bawah kaedah ini, setiap manfaat yang disediakan untuk pekerja dikira mengikut formula berikut:

$$\frac{\text{Kos* aset yang diperuntukkan sebagai manfaat/kemudahan}}{\text{Purata jangka hayat* aset yang ditetapkan}} = \text{Nilai tahunan manfaat}$$

\* Nota: (i) "Kos" di sini bermaksud kos sebenar yang dilakukan oleh majikan  
 (ii) "Purata jangka hayat " seperti dalam perenggan B6 hendaklah diguna pakai bagi mana-mana manfaat/ kemudahan yang disediakan tanpa mengambil kira sama ada aset yang terlibat adalah lama atau baru.

3. Pengiraan nilai MBB berhubung dengan penggunaan peribadi telefon mengikut kaedah formula adalah seperti berikut:

(a) Telefon mudah alih

(i) Berhubung dengan manfaat perkakasan:

$$\frac{\text{Kos aset (telefon)}}{\text{Purata jangka hayat aset yang dinilai}} = \text{Nilai tahunan manfaat}$$

(ii) Berhubung dengan penggunaan peribadi bagi bil telefon:

Kos sebenar penggunaan peribadi pekerja bagi bil yang dibayar oleh majikan.

(b) Telefon rumah dilanggan oleh majikan

Amaun sebenar panggilan peribadi yang dibayar oleh majikan.

**4. Kereta dan manfaat lain yang berkaitan dengannya**

(i) Pengurangan 20% diberikan dianggap sebagai nilai kereta pada masa ianya dipulangkan kepada majikan oleh pekerja dan formula berhubung dengan MBB tersebut dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{Kos kereta}}{8 (\text{Purata Jangka Hayat Ditetapkan})} \times 80\% = \text{Nilai tahunan manfaat kereta}$$



- (ii) Nilai tahunan MBB bagi petrol adalah nilai sebenar amaun perbelanjaan petrol yang dibelanjakan oleh majikan tidak kira sama ada kereta diperuntukkan atau tidak.
- (iii) Di bawah kaedah ini, pengurangan nilai tahunan MBB atas kereta dan petrol TIDAK TERPAKAI bagi usia kereta yang diperuntukkan melebihi 5 tahun.
- (iv) Walau bagaimanapun, pengurangan pada nilai bagi manfaat boleh dibuat sekiranya:
  - (a) kereta digunakan sebahagiannya untuk tujuan perniagaan; atau/dan
  - (b) Pekerja perlu membayar sejumlah wang kepada majikan untuk manfaat yang diperuntukkan.

Contoh: Pekerja B diperuntukkan dengan sebuah kereta berusia enam (6) tahun dengan kemudahan petrol percuma di sepanjang tahun 2005. Kereta dibeli dengan RM200,000. Jumlah perbatuan kereta tersebut dalam tahun 2005 ialah 36,000 km yang mana 12,000 km adalah berhubung dengan kegunaan peribadi. Majikan telah membelanjakan RM8,400 untuk petrol ke atas kereta ini. Pekerja B dikehendaki membayar RM1,200 kepada majikannya bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan petrol tersebut. Harga kereta tersebut semasa baru adalah RM280,000.

Nilai tahunan MBB untuk tahun taksiran 2005 dikira seperti berikut:

KERETA : RM6,667 ( RM200,000/8 x 80% x 12,000/36,000)

PETROL : RM1,600 [(RM8,400 x 12,000/36,000) - RM1,200]

## 5. ASET-ASET LAIN

Aset-aset lain yang disediakan kepada pekerja bagi keraian, rekreasi atau untuk tujuan lain contohnya seperti piano, organ, televisyen, set stereo, kolam renang dan lain-lain akan dikira sebagai manfaat tambahan dan mesti dicukai secara berasingan berdasarkan formula.

## 6. PURATA JANGKA HAYAT ASET YANG DITETAPKAN BAGI BERBAGAI ASET YANG DISEDIKAN KEPADA PEKERJA OLEH MAJIKAN

| Butiran | Aset  | Purata Jangka Hayat (Tahun) |
|---------|---|-----------------------------|
| (a)     | Kereta  | 8                           |
| (b)     | Kelengkapan perabot:<br>Kain langsir dan permaidani<br>Perabot, mesin jahit<br>Penyaman udara<br>Peti sejuk   | 5<br>15<br>8<br>10          |
| (c)     | Perkakas dapur:<br>Pinggan mangkuk, periuk nasi, cerek elektrik, pembakar roti, pembuat kopi, dapur gas, <i>cooker hood</i> , <i>oven</i> , pembasuh pinggan, mesin basuh, pengering kain, alat memproses makanan | 6                           |
| (d)     | Hiburan dan rekreasi:<br>Piano<br>Organ<br>TV, perakam video, <i>CD/DVD player</i> , set stereo,<br>Kolam renang (yang boleh dipisahkan), sauna   | 20<br>10<br>7<br>15         |
| (e)     | Pelbagai  | 5                           |

## C. MANFAAT YANG DIKECUALIKAN

- (a) Manfaat perubatan atau pergigian atau penjagaan anak;
- (b) Tambang percutian (pengecualian ke atas manfaat ini hanya terpakai jika ia diperuntukkan kepada pekerja dan ahli keluarganya yang terdekat):
  - dalam Malaysia tidak melebihi 3 kali dalam satu tahun kalendar; atau
  - luar Malaysia tidak melebihi sekali dalam mana-mana tahun kalendar, terhad kepada RM3,000;
- (c) Manfaat yang digunakan oleh pekerja semata-mata untuk menjalankan tugas-tugasnya;
- (d) Barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan dengan harga yang lebih murah;
- (e) Makanan dan minuman yang disediakan percuma;
- (f) Pengangkutan percuma dari perhentian tertentu atau rumah ke tempat kerja (pergi/balik);
- (g) Premium insurans yang wajib dibayar untuk pekerja-pekerja asing sebagai gantian kepada sumbangan PERKESO;
- (h) Premium insurans berkelompok untuk melindungi pekerja-pekerja sekiranya berlaku kemalangan.

**LAMPIRAN B4: MANFAAT/NILAI TEMPAT KEDIAMAN [PERENGGAN 13(1)(c)]**

**PENGIRAAN BAGI MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN**

Jika majikan menyediakan tempat tinggal/kediaman bagi pekerjanya, manfaat nilai tempat kediaman yang ditentukan berdasarkan Ketetapan Umum No. 3/2005 (dikeluarkan pada 11 Ogos 2005) akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja di bawah perenggan 13(1)(c).

Nilai premis kediaman telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) 3% daripada pendapatan kasar penggajian bagi **kategori 1**
- (ii) 30% daripada pendapatan kasar penggajian atau nilai tertentu bagi **kategori 2**
- (iii) Nilai tertentu bagi **kategori 3**

Untuk contoh-contoh di bawah ini:-

|  |   |          |
|--|---|----------|
| Pendapatan kasar penggajian [perenggan 13(1)(a)] | = | <b>T</b> |
| Nilai premis kediaman                            | = | <b>Z</b> |
| Tempoh penghunian diperuntukkan                  | = | <b>n</b> |
| Tempoh penggajian                                | = | <b>m</b> |
| Bahagian diperuntukkan                           | = | <b>X</b> |
| Bahagian keseluruhan                             | = | <b>Y</b> |
| Nilai tertentu                                   | = | <b>F</b> |

**KATEGORI 1: Premis kediaman bagi pekerja/pengarah urusan/pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun**

Premis kediaman disediakan:

- Di hotel, asrama atau premis yang serupa; atau
- Rumah Kerajaan; atau
- Premis di ladang, hutan atau di kawasan yang tidak dikadarkan (di luar kawasan pihak majlis tempatan).

Nilai premis kediaman ialah 3% daripada pendapatan kasar penggajian [Perenggan 13(1)(a)].

**Contoh I**

- Pendapatan kasar penggajian [Perenggan 13(1)(a)]                      RM36,000.00                      **(T)**
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan                                      12 bulan                                      **(n)**
- Tempoh penggajian dalam tempoh semasa                                      12 bulan                                      **(m)**

Pengiraan nilai premis kediaman

$$\begin{aligned}
 \text{Nilai premis kediaman (Z)} &= 3\% \quad \times \quad \mathbf{T} \quad \times \quad \mathbf{n/m} \\
 &= 3/100 \quad \times \quad 36,000 \quad \times \quad 12/12 \\
 &= \text{RM1,080}
 \end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi manfaat nilai premis kediaman (Z) = RM1,080

**Pindahkan Amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2**

**Contoh II**

Jika premis kediaman disediakan **kurang dari 12 bulan dalam satu tahun**, pengiraan nilai premis kediaman akan dikira **berdasarkan tempoh** premis kediaman disediakan

- Pendapatan kasar penggajian [perenggan 13(1)(a)]                      RM150,000                      (T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan                                      7 bulan                                      (n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa                                      9 bulan                                      (m)

Pengiraan nilai premis kediaman

$$\begin{aligned} \text{Nilai premis kediaman (Z)} &= 3\% \quad \times \quad T \quad \times \quad n/m \\ &= 3/100 \quad \times \quad 150,000 \quad \times \quad 7/9 \\ &= \text{RM3,500} \end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi manfaat nilai premis kediaman (Z) = RM3,500

**Pindahkan Amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2**

**KATEGORI 2: Premis Kediaman bagi seorang pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan**

**Nilai Premis Kediaman = 30% x pendapatan kasar penggajian  
Atau  
Nilai tertentu  
(yang mana lebih rendah)**

**Contoh I: Premis kediaman dihuni tanpa dikongsi dengan pekerja lain**

- Pendapatan kasar penggajian [perenggan 13(1)(a)]                      RM150,000                      (T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan                                      12 bulan                                      (n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa                                      12 bulan                                      (m)
- Kadar bulanan premis kediaman    RM2,000 sebulan
- Nilai tertentu [2,000 x 12 bulan (m)]                                      RM24,000                                      (F)

**Pengiraan Nilai Premis Kediaman**

|      |            |   |         |  |                          |  |
|------|------------|---|---------|--|--------------------------|--|
|      | 30%        | x | T       |  | } yang mana lebih rendah |  |
|      | = 30/100   | x | 150,000 |  |                          |  |
|      | = RM45,000 |   |         |  |                          |  |
| ATAU | = F        |   |         |  |                          |  |
|      | = RM24,000 |   |         |  |                          |  |

$$\begin{aligned} \text{Nilai premis kediaman (Z)} &= 24,000 \quad \times \quad n/m \\ &= 24,000 \quad \times \quad 12/12 \\ &= \text{RM24,000} \end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi manfaat nilai premis kediaman (Z) = RM24,000

**Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2**

**Contoh II: Berkongsi premis kediaman dengan seorang pekerja lain**

|  |                 |     |
|--|-----------------|-----|
| - Pendapatan kasar penggajian [perenggan 13(1)(a)] | RM150,000       | (T) |
| - Tempoh penghunian yang diperuntukkan             | 9 bulan         | (n) |
| - Tempoh penggajian dalam tahun semasa             | 9 bulan         | (m) |
| - Kadar bulanan premis kediaman                    | RM3,000 sebulan |     |
| - Berkongsi 2 orang - bahagian diperuntukkan       | 1               | (X) |
| - bahagian keseluruhan                             | 2               | (Y) |
| - Nilai tertentu [3,000 x 9 bulan (m)]             | RM27,000        | (F) |

**Pengiraan Nilai Premis Kediaman**

|                           |   |          |   |            |   |                        |
|---------------------------|---|----------|---|------------|---|------------------------|
|                           | = | 30%      | x | T          | } | yang mana lebih rendah |
|                           | = | 30/100   | x | 150,000    |   |                        |
|                           | = | RM45,000 |   |            |   |                        |
| <b>ATAU</b>               | = | <b>F</b> | x | <b>X/Y</b> |   |                        |
|                           | = | 27,000   | x | 1/2        |   |                        |
|                           | = | RM13,500 |   |            |   |                        |
| Nilai premis kediaman (Z) | = | 13,500   | x | <b>n/m</b> |   |                        |
|                           | = | 13,500   | x | 9/9        |   |                        |
|                           | = | RM13,500 |   |            |   |                        |

Pendapatan kena cukai bagi manfaat nilai premis kediaman (Z) = RM13,500

**Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2**

**Contoh III: Sebahagian daripada premis kediaman digunakan untuk urusan rasmi**

|  |                 |     |
|--|-----------------|-----|
| - Pendapatan kasar penggajian [perenggan 13(1)(a)] | RM100,000       | (T) |
| - Tempoh penghunian yang diperuntukkan             | 9 bulan         | (n) |
| - Tempoh penggajian dalam tempoh semasa            | 12 bulan        | (m) |
| - Kadar bulanan premis kediaman                    | RM4,000 sebulan |     |
| - 1/3 untuk urusan rasmi - bahagian diperuntukkan  | 2               | (X) |
| - bahagian keseluruhan                             | 3               | (Y) |
| - Nilai tertentu [4,000 x 12 bulan (m)]            | RM48,000        | (F) |

**Pengiraan Nilai Premis Kediaman**

